

06/03/1998

Ratu Balqis pun ajak rakyatnya berdialog

Abdurrahman Haqqi

KEGAWATAN yang dibayangkan Ratu Balqis selepas menerima surat tawaran yang sekali gus amaran Nabi Sulaiman untuk tunduk kepadanya digambarkan dalam al-Quran. "Ratu itu berkata: Sesungguhnya raja-raja, apabila masuk ke sebuah negeri mereka merosakkannya, dan mereka menjadikan penduduknya yang mulia hina dina; dan sedemikian itulah mereka akan lakukan" (Qs. an-Naml: 34).

Demi mengatasi kegawatan itu, Ratu pun mengumpulkan orangnya untuk diajak berdialog di mana keputusan yang diambil ialah "Dan bahawa kau hendak menghantarkan hadiah kepada mereka, kemudian kau akan menunggu, apakah balasan yang akan dibawa balik oleh utusan kita" (QS. an-Naml: 35). Keputusan bijak Ratu ini diambil untuk mengetahui apakah benar Sulaiman itu seorang Nabi atau sebaliknya. Jika benar dia seorang Nabi tentunya dia tidak akan menerima hadiahnya. Sebaliknya, jika dia menerimanya bererti dia hanya raja biasa yang bukan Nabi.

Jika andaian kedua di atas yang benar, maka Balqis tak segan dan gentar untuk menentangnya kerana, seperti diceritakan al-Quran, angkatan tentera kerajaannya termasuk yang terkuat dan memiliki peralatan canggih ketika itu. Al-Quran mengisahkan maksudnya: "Mereka menjawab: Kita adalah orang yang kuat gagah, dan amat berani merempuh peperangan; dan perkara itu (walau bagaimanapun) terserahlah kepadamu; oleh itu fikirkanlah apa yang engkau hendak perintahkan" (QS. an-Naml: 33).

Tapi, jika andaian pertama yang benar; maka dia akan tunduk dan menyerahkan diri serta rakyatnya kepada Sulaiman. Atas kehendak Ilahi, andaian inilah yang benar kerana Sulaiman enggan menerima hadiah bahkan dia berazam menyerang kerajaan Saba. Al-Quran menyatakan maksudnya: "Maka apabila (utusan pembawa hadiah itu) datang menghadap Nabi Sulaiman, berkatalah Nabi Sulaiman (kepadanya): Tidaklah patut kamu memberikan kepadaku pemberian harta benda, kerana apa yang telah diberikan Allah kepadaku lebih baik daripada apa yang telah diberikanNya kepada kamu (bukan aku yang memandang kepada pemberian hadiah) bahkan kamulah yang bergembira dengan harta kekayaan yang dihadihkan kepada kamu (atau yang kamu hadiahkan dengan perasaan megah). Kembalilah kepada mereka, (jika mereka tidak juga mahu beriman) maka demi sesungguhnya kami akan mendatangi mereka dengan angkatan tentera yang mereka tidak terdaya menentangnya, dan kami akan mengeluarkan mereka dari negeri Saba dengan keadaan hina, menjadi orang tawanan" (QS. an-Naml: 35-7).

Akhirnya, selepas merealisasikan hasil dialog dengan orang kanannya, Balqis, sebagai pemimpin negara yang bijak walaupun seorang wanita, menemukan agama baru dan memeluknya bersama Sulaiman. Al-Quran menjelaskan maksudnya: "Balqis berkata: Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku telah menganiaya diri sendiri; dan (sekarang aku menegaskan) aku berserah diri memeluk Islam bersama Nabi Sulaiman, kepada Allah Tuhan sekalian amal" (QS. an-Naml: 44).

Dialog dan musyawarah nampaknya tak jauh berbeza pengertiannya kerana kedua-duanya adalah perbincangan antara pihak yang mempunyai kepentingan dan peranan tertentu mengenai isu yang timbul. Dalam sejarah Islam, banyak kita jumpai dialog sama ada secara fizikal mahupun spiritual. Dialog mengenai kepentingan negara dan disiplin ilmu Islam. Dialog yang bersifat perseorangan mahupun kelompok. Salah satu istilah yang terkenal mengenai ini adalah munazarah atau jidal.

Munazarah memiliki pelbagai tatacara antaranya seperti ditulis al-Farabi

dalam Kitab al-Jidal adalah A meminta B mengemukakan tesis dan premis penyokong secara terpisah kemudian dia mengesahkan telah mendengar semua tesis dan premisnya itu. Apabila A berhasil mengemukakan sillogisme yang baik maka dia berhasil membuat tesis tandingan makala B tidak boleh menafikan premisnya kecuali A mentaksirkannya secara menyimpang. Pada awal munazarah B hanya mengemukakan tesisnya. Jika A mengemukakan bantahan barulah dia diberi hak untuk mempertahankan tesisnya (Rujuk LB Miller, "Islamic Disputation Theory...", 78-9).

Dalam munazarah yang dihadiri ramai orang kerana tarikan tertentu seperti kedudukan pelakunya atau topik perbahasan, aspek kawalan mesti diperhatikan agar tak terjadi kekecohan atau pergaduhan. Dalam era intelektual masa kini, munazarah yang boleh dianggap dialog memerlukan keterbukaan dan ketelusan semua pihak bagi mendapatkan natijah yang menguntungkan. Nampaknya, tujuan inilah yang diharap dan dicita-citakan pada Dialog Perkongsian Bestari Kebangsaan 1998 (NSPD '98) Isnin dan Selasa lalu.

"Kerjasama antara kerajaan, sektor swasta dan pekerja. Mesti diperbaiki secara terus menerus untuk memastikan pelaksanaan program pembangunan dengan lancar," kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam kata aluannya untuk buku cenderamata dialog itu.

Timbalan beliau, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam buku yang sama menjelaskan "Hanya dalam suasana terbuka dan telus, kita boleh membincangkan langkah berkesan untuk memperbaiki, menyokong serta meneruskan kesejahteraan negara dan memastikan keputusan kita dizahirkan dengan tindakan yang sewajarnya".

(END)